

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(B)58**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

58. Lawatan kerja ke luar negara lazimnya dilihat sebagai peluang diplomatik dan pelaburan, namun dalam konteks Pulau Pinang yang sedang giat membangunkan ekosistem sains, teknologi dan modal insan bertaraf dunia, sejauh manakah lawatan antarabangsa yang diterajui oleh Kerajaan Negeri berjaya membuka ruang kepada kerjasama strategik sama ada dalam bentuk pertukaran teknologi?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

58. Lawatan kerja ke luar negara bukan sahaja membawa nilai diplomatik atau pelaburan, tetapi merupakan strategi penting dalam memacu agenda Pulau Pinang sebagai hab sains, teknologi dan modal insan bertaraf dunia. Setiap misi antarabangsa yang diterajui di bawah portfolio saya telah diselaraskan dengan matlamat jangka panjang negeri untuk membina jaringan strategik global, membuka laluan pemindahan teknologi, memperluas kerjasama akademik dan mewujudkan peluang pembangunan bakat yang mampan. Antara contoh kejayaan yang ketara ialah Sidang Kemuncak Pulau Pinang—

India 2024, di mana delegasi dari lapan (8) bahagian utama di India telah hadir ke negeri ini dengan objektif untuk memperkukuh kerjasama dalam sektor Semikonduktor, Elektrik & Elektronik (E&E), Kecerdasan Buatan (AI), Teknologi Perubatan (*Med Tech*), pembangunan bakat dan pendidikan. Mereka menyatakan minat menjadikan Pulau Pinang sebagai pintu masuk utama ke ASEAN bagi pelaburan dan perkongsian teknologi.

Sidang kemuncak ini menghasilkan kejayaan awal dengan tiga (3) Memorandum Persefahaman (MOU) dimeterai, melibatkan pertukaran bakat dan pensyarah teknikal dalam bidang kejuruteraan dan teknologi tinggi, penajaan biasiswa dua hala untuk pelajar STEM dan TVET, Kolaborasi penyelidikan bersama dalam bidang AI, automasi dan semikonduktor. Lawatan ini menandakan keseriusan kedua-dua pihak untuk mengukuhkan hubungan dalam sektor strategik dan meletakkan asas kepada jalinan pembangunan modal insan berimpak tinggi. Selain itu, lawatan rasmi ke Jepun turut memberi impak yang besar kepada usaha negeri dalam membina ekosistem semikonduktor yang lebih bersepadu. Dengan lebih daripada 100 syarikat Jepun kini beroperasi di Pulau Pinang, lawatan saya ke Osaka dan Hiroshima telah membuka ruang kerjasama baharu yang amat bermakna. Di Hiroshima, saya bertemu dengan

Profesor Dr. Kaneko-san dari Universiti Hiroshima dan dua gergasi industri semikonduktor, Horiba dan Tazmo untuk membincangkan inisiatif bersama dalam bidang Bandar Pintar, AI, kenderaan elektrik (EV), tenaga solar, program biasiswa, pertukaran pelajar dan potensi pelaburan dalam sektor semikonduktor serta pembangunan bakat berkemahiran tinggi. Saya juga berkesempatan mengadakan sesi rasmi bersama Datuk Bandar dan Timbalan Datuk Bandar Higashi-Hiroshima City, Tuan Hironori Takagaki-san dan Tuan Kazunari Kawaguchi-san serta barisan Ahli Majlis Bandaraya, Ketua Industri dan Pengarah Jabatan Dewan Bandaraya. Antara topik yang dibincangkan termasuk kerjasama dua hala dalam bidang sains, teknologi, semikonduktor, pendidikan TVET dan pemindahan pengetahuan. Delegasi Jepun telah menyatakan minat rasmi untuk mengadakan lawatan balas ke Pulau Pinang dalam masa terdekat bagi meninjau peluang kerjasama lebih lanjut. Lawatan ke Jepun ini telah mengukuhkan reputasi Pulau Pinang sebagai pusat kecemerlangan teknologi yang diiktiraf dunia bukan hanya sebagai lokasi pelaburan, tetapi sebagai rakan pembangunan teknologi, pendidikan dan modal insan jangka panjang. Secara keseluruhan, misi antarabangsa ini telah menjadikan Pulau Pinang bukan sekadar destinasi pelaburan, malah sebagai rakan strategik serantau dalam

pembinaan ekosistem inovasi, rantai bekal berteknologi tinggi, dan tenaga kerja masa depan serta mencapai visi Pulau Pinang 2030.